

Kadar GST kekal 6%

Oleh SHARAI MEI SHAIK
AHMEDULLAH

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 11 NOV.

KERAJAAN tidak bercadang menaikkan kadar cukai barang dan perkhidmatan (GST) walaupun Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) dalam laporan ekonominya tahun ini mencadangkan supaya cukai itu dinaikkan.

Dalam laporan yang dikeluarkan hari ini, OECD memaklumkan supaya selepas suatu jangka masa, kadar GST perlu dinaikkan dan dalam masa sama mengurangkan barangan yang dikecualikan cukai tersebut.

Menurut Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa, dalam Bajet 2017 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini secara jelas menyatakan bahawa kadar GST dikekalkan pada kadar enam peratus.

“Cadangan OECD akan kita lihat semula, namun tiada sebarang perubahan dilakukan. Bagaimanapun, kita tidak menolak kemungkinan kadar GST pada masa sekarang perlu dikaji semula selepas suatu tempoh jang-

ka masa panjang,” katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Laporan Ekonomi OECD: Malaysia 2016 dan Laporan Polisi Inovasi OECD, di sini hari ini.

Yang hadir sama Timbalan Setiausaha Agung OECD, Rintaro Tamaki dan Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Tan Sri Zakri Abdul Hamid.

OECD merupakan sebuah pertubuhan antarabangsa yang dianggotai 35 negara maju dan membangun bagi mempromosikan sebuah polisi yang dapat meningkatkan taraf ekonomi dan kesejahteraan sosial masyarakat dunia.

Selain kadar cukai, cadangan lain yang dikemukakan oleh OECD ialah meneruskan pendekatan konsolidasi fiskal sekiranya keadaan ekonomi merosot, mengkaji semula kurikulum di sekolah dengan mengikut tanda aras antarabangsa dan pada masa sama menambah baik bidang tugas guru dari segi skil, latihan serta penilaian.

Menurutnya, dalam masa sama, OECD turut mencadangkan supaya kerjasama antara institusi pendidikan dan industri ditingkatkan bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada para graduan serta menubuhkan sebuah suruhanjaya bebas bagi menilai

produktiviti sektor awam.

“Turut dicadangkan ialah mempromosikan jadual kerja yang lebih fleksibel, lebih banyak pusat jagaan kanak-kanak serta pembelajaran sepanjang hayat dan mewujudkan sistem perlindungan sosial menyeluruh kepada skim insurans pekerjaan,” katanya.

Ali berkata, semua cadangan tersebut amat berguna untuk Malaysia bagi merangka sebuah formula yang dapat menguatkan asas makro ekonomi negara supaya mampu bertahan dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kajian Negara dan Ekonomi OECD, Alvaro Pereira ketika ditanya mengenai cadangan semakan semula terhadap kadar GST berkata, perubahan itu perlu dilakukan memandangkan kejatuhan harga minyak yang merupakan hasil pendapatan utama negara.

“Sekiranya kerajaan tidak mengenakan cukai seperti GST, amat sukar untuk kerajaan bertahan jika sumber pendapatan utama negara jatuh merudum. Disebabkan itu penting bagi OECD mencadangkan supaya semakan terhadap GST dilakukan,” katanya.